

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Penggunaan komputer merupakan satu keperluan yang dapat membantu untuk mempercepatkan sesuatu proses terhadap sebarang kerja, sama ada di bidang pendidikan, perbankan, pemrosesan data, pengkalan data, dan lain-lain yang melibatkan pengurusan sesebuah organisasi. Ia boleh ditakrifkan sebagai satu alat yang boleh menerima atau memberi maklumat dalam bentuk yang sesuai kepada penggunanya.

Penggunaan komputer juga boleh mengatasi masalah ketidakupayaan manusia untuk melakukan pengiraan-pengiraan yang kompleks seperti inventori, sistem kawalan, pengawalan satelit, dan reka cipta. Ia juga berkeupayaan membuat keputusan dengan tepat, menyimpan dan memproses maklumat yang banyak serta boleh beroperasi secara automatik.

Perkembangan dan pembangunan yang pesat terhadap teknologi komputer amat memberangsangkan. Misalnya di Amerika Syarikat, pakar-pakar teknologi komputer memberikan perhatian yang serius dalam pembangunan alam

sekeliling (environmental), 'optoelectronic', rangkaian penjagaan kesihatan, penyelidikan dalam perniagaan dan pembuatan 'semiconductor'. Teknologi yang berkonseptan 'dual-use' diamalkan bagi mempertingkatkan kualiti dalam mempelbagaikan atau menyepadukan penggunaan sesuatu program atau produk.

Dewasa ini, apabila membicarakan tentang komputer, pastinya internet menjadi salah satu topik utama. Melalui internet, banyak terdapat maklumat-maklumat yang berguna untuk tujuan peningkatan ilmu pengetahuan atau sebagai bahan rujukan. Di samping itu, internet atau biasa disebut sebagai teknologi maklumat juga dapat menghubungkan komunikasi seluruh dunia secara 'virtual' dan tanpa sempadan.

Di dalam Rancangan Malaysia KeTujuh (**Kerajaan Malaysia, 1996**) di bawah Teknologi Maklumat dalam Pendidikan, menjelaskan bahawa satu program literasi komputer telah dilancarkan dengan objektif mendedahkan pelajar kepada pengetahuan asas dalam literasi komputer. Ini termasuklah pada peringkat rendah dan menengah yang dikenali sebagai projek perintis. Objektif program pendidikan dan latihan kemahiran adalah untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir yang berkualiti dengan memperkuatkan sistem penyampaian dengan menyediakan guru serta pengajar yang berkelayakaan dan berpengalaman bagi meningkatkan lagi penggunaan teknologi moden dan komputer bagi memperbaiki kelemahan secara menyeluruh.

Jelas menunjukkan bahawa usaha kerajaan untuk meningkatkan penggunaan komputer di kalangan pelajar dan tenaga pengajar perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Dengan galakan yang diberikan ini akan turut membantu perkembangan teknologi maklumat serta terus memupuk dan meningkatkan lagi mutu proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi (**Kementerian Kewangan Malaysia, 1998**), di bawah Program Teknologi Pendidikan yang berobjektif, menentukan peningkatan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi teknologi pendidikan yang di antara lain aktivitinya adalah meliputi pembinaan bahan-bahan sumber pendidikan dalam pelbagai media dan teknologi, galakan penggunaan teknologi pendidikan dan teknologi komunikasi melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan.

## **1.2 Pengenalan Sekolah Agama Kementerian Pendidikan (SMKA)**

SMKA terletak di bawah penguasaan dan kelolaan Kementerian Pendidikan. Sekolah-sekolah ini hanya bermula di peringkat menengah sahaja iaitu mulai dari tingkatan satu. Semua urusan dan keperluan SMKA ditadbir mengikut susunan tertentu melalui pejabat pendidikan dari peringkat daerah hingga ke peringkat negeri dan pusat. Pegawai-pegawai yang terlibat dalam struktur organisasi dan yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan sama ada pentadbiran dan pembelajaran adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

SMKA Simpang Lima adalah salah satu daripada sekolah yang dimaksudkan Pendidikan sekolah ini bermula pada tahun 1979 dan mula digunakan untuk persekolahan pada bulan Januari 1982. SMKA Simpang Lima ini merupakan antara tiga buah sekolah menengah beraliran agama yang terdapat di Selangor. Dua buah lagi ialah Maahad Hamidiah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Selangor. Kedua-duanya terletak di Kajang.

Mengikut perancangan awal oleh Jabatan Pendidikan Selangor (JPS) pada tahun 1970an tapak sekolah ini adalah untuk sekolah Vokasional (Pertanian). Pada tahun 1988 hasil usaha Pejabat Pendidikan Daerah(PPD) memohon kepada kepada Jabatan Pendidikan Selangor dan bahagian Pendidikan Malaysia, supaya sekolah ini dijadikan SMKA memandangkan kesesuaian tempat dan permintaan penduduk setempat. Permohonan itu berjaya. Maka wujudlah SMKA Simpang Lima dengan pelajar seramai 209 orang dan guru seramai 13 orang pada tahun 1982. Kini (1999) SMKA Simpang Lima mempunyai bilangan pelajar seramai 717 orang dan 56 orang guru.

### **1.3 Pengenalan Sekolah Agama Kerajaan Negeri (SMA JAIS)**

SMA JAIS adalah merupakan sekolah agama yang terletak di bawah pengawasan dan kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor. Di sesetengah negeri, sekolah jenis

ini terletak di bawah pentadbiran badan-badan tertentu. Misalnya di Melaka, pengurusannya adalah di bawah kelolaan Lembaga Pendidikan Islam Melaka dan di Kelantan, ia di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan.

SMA JAIS diwujudkan adalah bertujuan untuk melahirkan individu Muslim yang benar-benar mampu menghayati dan mengamalkan kehidupan yang selaras dan bertepatan dengan Al-Quran dan As-Sunnah. Di seluruh negeri Selangor, sekolah agama yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor adalah melebihi 200 buah sekolah, termasuk sekolah agama rendah, sekolah agama menengah dan sekolah agama tinggi.

Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Abdul Aziz Shah, Batu 38, adalah salah satu sekolah daripada sekolah tersebut. Ia terletak berhampiran dengan Pekan Sabak Bernam. Sekolah ini, asalnya adalah merupakan sekolah yang bersistem poindok. Apabila dikelolakan oleh JAIS, guru-guru yang mengajar di sekolah ini, selain dari guru-guru JAIS, ada juga guru-guru dari Kementerian Pendidikan yang bertugas di sekolah ini. Jumlah guru yang bertugas di sekolah ini ialah 41 orang dengan bilangan pelajar lebih kurang 800 orang. Sekolah ini adalah merupakan antara sekolah yang terbaik di Negeri Selangor. Buktinya, ramai lepasan pelajar dari sekolah ini dapat melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di Timur Tengah selain dari universiti tempatan.

Sekolah ini mempunyai pusat komputer yang ditubuhkan sejak tahun 1987. Di awal penubuhannya, pusat ini mempunyai lima buah komputer dengan satu mesin pencetak. Kini ia mempunyai 10 buah komputer dan 10 buah mesin pencetak yang lebih sempurna. Pusat komputer ini juga sedang berusaha untuk menyediakan perkakasan komputer yang dilengkapi dengan keperluan multimedia dan talian internet bagi kemudahan para pelajar dan guru.

#### **1.4 Penyataan Masalah**

Malaysia sedang bergerak menuju ke arah menjadi suatu pusat pendidikan yang cemerlang di rantau ini. Perkembangan dan pembangunan negara Malaysia adalah amat mencabar. Atas sebab demikian, dalam mengujudkan sebuah negara yang maju dan berdaya saing ini, semestinya masyarakat Malaysia memerlukan kesediaan diri yang kukuh dari segi intelek, rohani, jasmani, dan emosi.

Dalam proses membangun ke arah kemajuan ini, ia memerlukan satu perhatian yang sewajarnya. Penyediaan ahli-ahli profesional atau pakar-pakar dalam pelbagai bidang seperti akitek, doktor, saintis, peguam, usahawan, jurutera, dan lain-lainnya merupakan satu aset utama untuk tujuan pembangunan itu.

Menurut **Isahak Haron (1980)**, negara Malaysia memerlukan lebih banyak tenaga manusia dalam bidang profesional dan teknikal. Keadaan ini akan

berterusan pada tahun-tahun yang akan datang. Sebagai contoh, beliau menegaskan bahawa pelajar-pelajar dalam jurusan 'applied science' atau 'applied social science' lebih mudah mendapat kerja dari pelajar-pelajar dalam jurusan sains tulen dan sastra. Ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar dan graduan-graduan institut pengajian tinggi yang mempunyai kemahiran akan mudah dan yakin untuk melakukan sesuatu kerja apabila ditawarkan kerja sama ada dalam sektor awam atau swasta.

Sebagai memenuhi aspirasi ini, salah satu aspek keperluan yang perlu ada ialah menyediakan guru-guru yang berkemahiran menggunakan komputer. Jelasnya, jika guru tidak celik komputer maka apalah lagi pelajar. Telah dinyatakan, dewasa ini walau dalam apa bidang sekalipun yang melibatkan profesional dan teknikal, kemahiran dalam menggunakan atau mengendalikan komputer adalah menjadi keutamaan.

Guru-guru adalah pemangkin ke arah itu dan antara salah satu aset penting yang bertanggungjawab untuk merealisasikan wawasan ini. Natijahnya, dengan wujudnya sekolah bestari, ianya merupakan titik tolak ke arah mencapai wawasan tersebut.

Pada dasarnya, boleh dikatakan sejumlah besar sekolah-sekolah di negara ini menyediakan kemudahan komputer bagi kegunaan para pelajarnya. Ia berfungsi

sebagai alat bantu mengajar atau sebagai kegunaan pelajar dalam melaksanakan tugas pembelajaran dan sebagainya.

Selaras dengan wawasan 2020, untuk membina masyarakat yang maju dan saintifik (**Zurinah Hassan, 1994**). Kementerian Pendidikan, sebagai sebuah badan yang dipertanggungjawabkan peranan pendidikan untuk merealisasikan perubahan dan pencapaian Malaysia menjadi negara maju sepenuhnya merupakan agenda yang begitu mencabar . Antaranya memberikan perhatian penting terhadap beberapa perkara dari segi dasar, falsafah, kurikulum, peranan dan fungsi yang bersifat dinamik yang mencakupi perspektif perubahan yang bersifat futuristik menjelang abad ke-21.

Menyedari akan perubahan pendidikan yang begitu mendadak, pihak Kementerian Pendidikan telah berusaha mewujudkan suatu suasana pembelajaran yang boleh membantu mempertingkatkan keupayaan pelajar dengan pendedahan pelbagai langkah baru dalam usaha memastikan pelajar dilengkapkan dengan pengetahuan yang sesuai dengan perkembangan teknologi. Dalam konteks pendidikan, teknologi merupakan peralatan teknologi atau sistem rangkaian elektronik yang berfungsi untuk mencari, mengumpul, memproses, menyalur dan menyimpan maklumat secara pantas dan tepat. Begitu juga dengan internet atau multimedia. Ia dapat dimanfaatkan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam penyampaian sesuatu pelajaran, penggunaan alat dan bahan yang sesuai serta menarik adalah penting. Alat bantu mengajar merupakan rangsangan tambahan menajamkan deria pelajar untuk mencapai pembelajaran yang berkesan (**Kamarudin, 1997**). Salah satu caranya adalah memperkenalkan pembelajaran menerusi komputer menggunakan kaedah audio visual. Dengan cara ini proses pembelajaran akan berjalan dengan lebih mudah serta dapat mengayakan lagi persekitaran pengajaran dan pembelajaran (**Norhisham, Mazenah, Rose Alinda, 1996**).

Dengan pemilihan alat bantu mengajar seperti komputer ianya bukan sahaja merupakan alat yang sangat berpotensi dalam membantu meringankan kerja malahan komputer dapat menyesuaikan pengajaran dengan kebolehan individu (**W.F. Connell, 1981**). Menurut **Yusup Hashim (1997)**, pelajar boleh belajar mengikut kadar kecepatan proses pembelajaran masing-masing dan jesteru itu dapat menyelamatkan masa pembelajaran.

Menyedari akan hakikat ini, kajian tentang penggunaan komputer di kalangan guru-guru ini dilakukan oleh penyelidik. Sekurang-kurangnya kita akan dapat mengetahui sejauhmana kesediaan guru-guru dalam mengikuti perkembangan situasi pendidikan dewasa ini.

Daripada kajian ini juga, kita akan dapat menentukan antara faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada kejayaan atau kegagalan sesuatu program yang melibatkan komputer dalam pendidikan.

### **1.5 Tujuan Kajian**

Kajian perbandingan penggunaan komputer di kalangan guru-guru sekolah menengah agama tajaan Jabatan Agama Islam Selangor (SMA JAIS) dan sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) Kementerian Pendidikan di Daerah Sabak Bernam ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan membanding tentang penggunaan komputer di kalangan guru-guru di kedua-dua buah sekolah tersebut.

Ini disebabkan, dalam proses meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam sistem pendidikan, tidak terdapat banyak kajian yang dilakukan di peringkat tempatan atau luar bandar. Jadi, pihak sekolah atau pihak-pihak yang berkaitan tidak mempunyai sumber rujukan yang mencukupi tentang permasalahan dan kemahiran penggunaan komputer di kalangan guru-guru luar bandar terutamanya.

Dalam konteks kajian ini, penggunaan komputer di kalangan guru-guru adalah merujuk kepada kekerapan dan tujuan penggunaan komputer. Selain daripada itu kajian ini juga akan cuba menentukan adakah terdapat hubungan atau

pengaruh penggunaan komputer ini dengan beberapa pembolehubah terpilih, seperti yang dinyatakan dalam soalan kajian.

Dengan itu adalah penting kajian dilakukan bagi mengenal pasti kemungkinan-kemungkinan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam penggunaan komputer.

### **1.6 Soalan Kajian**

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat dan membanding beberapa persoalan seperti:

1. Tahap penggunaan komputer oleh guru-guru,
2. Jenis perisian aplikasi yang digunakan oleh guru-guru,
3. Tahap pengalaman dan pengetahuan penggunaan komputer oleh guru-guru,
4. Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam menggunakan komputer, dan
5. Persepsi guru-guru terhadap penggunaan komputer dalam bidang pendidikan.

Secara terperinci, kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan seperti yang tertera di bawah;

pengaruh penggunaan komputer ini dengan beberapa pembolehubah terpilih, seperti yang dinyatakan dalam soalan kajian.

Dengan itu adalah penting kajian dilakukan bagi mengenal pasti kemungkinan-kemungkinan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam penggunaan komputer.

### **1.6 Soalan Kajian**

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat dan membanding beberapa persoalan seperti:

1. Tahap penggunaan komputer oleh guru-guru,
2. Jenis perisian aplikasi yang digunakan oleh guru-guru,
3. Tahap pengalaman dan pengetahuan penggunaan komputer oleh guru-guru,
4. Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam menggunakan komputer, dan
5. Persepsi guru-guru terhadap penggunaan komputer dalam bidang pendidikan.

Secara terperinci, kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan seperti yang tertera di bawah:

1. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru yang berkemahiran terhadap penggunaan perisian aplikasi seperti yang dinyatakan:
  - i) Sistem operasi.
  - ii) Pemprosesan perkataan.
  - iii) Pengkalan Data.
  - iv) Lembaran Elektronik.
  - v) Pakej Grafik & Persembahan.
  - vi) Pakej Pengarangan Multimedia.
  - vii) Pakej Perakaunan.
  
2. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru dalam kekerapan menggunakan komputer untuk tujuan membantu tugas-tugas rasmi sebagai guru atau kerja-kerja perkeranian:
  - i) Menyimpan rekod pelajar/ akademik/ ko-kurikulum.
  - ii) Menaip dokumen/ surat/ soalan ujian/ peperiksaan.
  - iii) Merancang dan menyediakan jadual waktu.
  - iv) Membantu dalam pendaftaran peperiksaan.
  - v) Membantu dalam analisis peperiksaan.
  - vi) Membantu dalam analisis kehadiran pelajar.
  - vii) Membantu dalam menyimpan (inventori) stok alatan makmal/ bengkel dan lain-lain.
  - viii) Membantu dalam menyimpan akaun/ kewangan pelajar.
  - ix) Membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

3. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru dalam kekerapan menggunakan komputer untuk tujuan bermain 'computer games' dan membuat kerja-kerja peribadi yang tiada kaitan dengan kerja sekolah.
4. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru dalam kepuasan terhadap kerjasama yang diperolehi dari pihak kementerian atau jabatan dan kerjasama dari rakan sekerja.
5. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap kekerapan melayari internet.
6. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap tahap persetujuan terhadap kenyataan yang berkaitan dengan internet:
  - i) Saya berasa amat bersalah jika tidak mengetahui bidang komputer dan internet.
  - ii) Internet dapat membantu saya tentang maklumat semasa dan tentang pendidikan.
  - iii) Internet sewajarnya diketahui oleh warga pendidik.
  - iv) Internet lebih banyak memberikan keburukan dari kebaikan.
  - v) Tidak mengetahui internet adalah lebih baik.

7. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap tahap persetujuan terhadap beberapa kenyataan yang melibatkan permasalahan seperti yang dinyatakan:
- i) Bahan rujukan tentang komputer dalam Bahasa Melayu amat sukar diperolehi.
  - ii) Tiada masa untuk mengikuti kursus atau mendalami ilmu perkomputeran.
  - iii) Saya amat kurang pendedahan tentang komputer.
  - iv) Saya tidak menjumpai perisian yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran saya.
8. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap tahap persetujuan terhadap beberapa kenyataan seperti yang dinyatakan:
- i) Penggunaan komputer wajar dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran.
  - ii) Bekerja dengan bantuan komputer menyeronokan saya.
  - iii) Penggunaan komputer banyak memberi pengalaman dan manfaat kepada saya dan pelajar-pelajar saya.
  - iv) Penggunaan komputer dapat mengjudkan suasana pembelajaran lebih menarik dan berkesan.
  - v) Komputer dapat mengurangkan kerja-kerja kertas dan beban kerja.
  - vi) Dorongan pengetua penting dalam penggunaan komputer di sekolah.

9. Apakah perbezaan dalam peratusan guru-guru terhadap tahap persetujuan dari beberapa kenyataan untuk mempertingkatkan kemahiran dalam penggunaan komputer:
- i) Peluang menghadiri kursus/ bengkel/ seminar mengenai komputer dalam pendidikan harus ditingkatkan.
  - ii) Bimbingan/ tunjuk ajar dari pakar-pakar sentiasa diperlukan.
  - iii) Program latihan yang terancang diperlukan dalam perlaksanaan perkomputeran sekolah.
  - iv) Pembentukan pasukan petugas khas dalam perlaksanaan perkomputeran di sekolah/ di PKG/ dan PPD diperlukan.
  - v) Sekolah harus menyediakan komputer yang mencukupi untuk kegunaan guru.
  - vi) Kementerian/ jabatan harus terlibat secara aktif dalam perlaksanaan perkomputeran di sekolah dengan membekalkan perkakasan dan perisian.
10. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan menaip dokumen dan surat/ soalan ujian/ peperiksaan mengikut sekolah?
11. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan bermain 'computer games' mengikut sekolah?

12. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan komputer dengan melayari internet mengikut sekolah?

### 1.7 Kepentingan Kajian

Teknologi adalah aplikasi teori-teori sains untuk menghasilkan alat-alat yang dapat memudahkan sesuatu tugas dan antaranya ialah komputer. Teknologi di sini merupakan aspek perkakasan iaitu peralatan teknikal . Dalam era kehidupan moden kini, penggunaan komputer sememangnya tidak dapat dipisahkan di dalam kehidupan seharian malahan ianya digunakan sepenuhnya dalam sektor awam dan korporat yang berkaitan dengan syarikat atau perbadanan

Memandangkan betapa pentingnya teknologi di mata masyarakat, justeru pelajar adalah merupakan 'aset' yang perlu diperkembangkan dan diperbaiki melalui proses pendidikan supaya menghasilkan tenaga manusia yang berkualiti (**Atan Long,1980**). Untuk memastikan segala input yang diberikan mendatangkan keberkesanannya seharusnya guru-guru wajar melibatkan diri secara aktif serta mengetahui objektif atau matlamat pelajaran yang hendak dicapai. Oleh yang demikian para guru perlu diberi pendedahan terhadap perkembangan dan kemahiran era teknologi terkini bagi membolehkannya menghadapi segala permasalahan yang bakal timbul.

Menurut **Isahak Haron(1993)**, antara cabaran utama dalam pendidikan ialah menyediakan manusia yang mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam, berkemahiran tinggi, cekap menjalankan tugas dalam profesionnya, berfikiran terbuka untuk menerima dan mengkaji maklumat dan dapat membuat penyesuaian dengan cepat. Pendidikan pelbagai peringkat dan jenis menjadi agensi utama untuk mengeluarkan tenaga manusia yang berkualiti bagi memenuhi keperluan berbagai jenis industri dan perkhidmatan.

Pada masa ini, tidak dapat dinafikan komputer adalah begitu penting dalam bidang apa sekalipun. Penggunaan komputer dapat mempercepatkan atau berupaya memproses data seperti penyediaan laporan, pencapaian data atau maklumat, menganalisis data atau membuat keputusan, dan lain-lain tugas mengikut keperluan individu atau sesebuah organisasi.

Dalam bidang pendidikan, penggunaan komputer merupakan salah satu cara yang terkini dalam membantu melaksanakan tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran. Lebih-lebih lagi di sebuah intitusi pengajian tinggi, penggunaan komputer bukan setakat untuk perlaksanaan pengajaran sahaja tetapi ia amat penting untuk keperluan pelajar, sama ada untuk tujuan menyiapkan tugas atau untuk tujuan mendapatkan maklumat atau bertukar-tukar maklumat dengan teman pelajar dari lain-lain institut pengajian tinggi dari berbagai negara. Ini menjelaskan, apabila sahaja disebut komputer, ia tidak akan terpisah dengan teknologi maklumat. Terutamanya melalui internet.

Dari aspek teknologi pendidikan, guru merupakan fasilitator yang membimbing dan memberi motivasi serta menjadi pemangkin dalam proses pembelajaran pelajar. Sehubungan itu, para guru perlu bersikap perihatin terhadap cabaran teknologi pendidikan dan berusaha menyediakan diri dengan pengetahuan serta kemahiran yang perlu untuk membolehkan mereka berperanan secara berkesan. Dengan meningkatkan teknik pengajaran seseorang guru itu bukan sahaja membawa perubahan malahan turut memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi (**Mok Soon Sang, 1996**). Para guru juga perlu memahami status pembelajaran yang sentiasa dinamik dan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai terutama dalam memenuhi zaman berteknologi maklumat.

Mengikut Hill dalam **Abdullah (1992)**, teknologi komputer dapat menjadi penyambung proses pemikiran dan membolehkan guru dan pelajar berkomunikasi dengan imej visual, bunyi dan muzik. Kaedah ini merupakan kaedah yang amat sesuai untuk membiasakan pelajar dengan cara yang terbaik untuk mengendalikan maklumat. Secara tidak langsung ianya juga dapat membantu pencapaian seseorang pelajar dalam menguasai pembelajarannya tanpa ragu-ragu.

Oleh yang demikian, penyelidik melihat pentingnya kajian ini dijalankan di kedua-dua sekolah ini, antara lain untuk:

- i) Melihat sejauhmana persekitaran dan perkembangan semasa dalam teknologi komputer dan maklumat mempengaruhi penggunaan

komputer bagi guru-guru di sekolah luar bandar iaitu dalam Daerah Sabak Bernam.

- ii) Adakah guru-guru ini bersikap positif atau sebaliknya terhadap penggunaan komputer.
- iii) Mengenalpasti (jika ada) masalah yang dihadapi atau sebaliknya.
- iv) Tiadanya kajian berkaitan yang dijalankan di Daerah Sabak Bernam.

Dengan itu, kajian tentang penggunaan komputer di kalangan guru-guru ini amat wajar dilakukan secara berkala. Ia bertujuan supaya kajian yang dilakukan itu akan dapat mengesan komitmen guru-guru terhadap kemajuan teknologi semasa dan perkembangan maklumat. Secara tidak langsung, kajian ini juga boleh menjadi sebagai satu landasan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, sekaligus meningkatkan martabat guru sebagai agen yang membawa perubahan dan perkembangan pemikiran dan kemahiran dalam sesebuah masyarakat dan negara.

Selain daripada itu, hasil kajian ini juga boleh membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk menyusun satu strategi baru yang lebih berkesan, dan menyusun semula objektif perlaksanaan perkomputeran di sekolah khususnya terhadap pihak guru.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan ke atas guru-guru di sebuah sekolah menengah agama tajaan Jabatan Agama Islam Selangor (SMA JAIS) iaitu Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38, Sabak Bernam dan sebuah sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) Kementerian Pendidikan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima, Sungai Besar.

Kajian ini hanya tertumpu kepada beberapa pembolehubah terpilih , dengan tujuan untuk melihat kekerapan dan tujuan guru menggunakan komputer serta hubungannya dengan kumpulan guru dari kedua-dua sekolah sebagai pembolehubah kawalan. Ini bertujuan untuk melihat perbandingan bagi kedua-dua kumpulan guru.

Dapatan bagi kajian ini adalah hasil dari respons soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru di kedua-dua buah sekolah ini. Ini bermakna kajian ini tidak boleh dijadikan sebagai kayu ukur kepada semua guru di daerah ini.

## **1.9 Definisi Istilah**

Istilah-istilah yang didefinisikan di bawah ini mempunyai skop yang terhad dan ianya hanya terbatas kepada kegunaan untuk kajian ini sahaja.

### **1.9.1 Perbandingan**

Dalam konteks kajian ini, perbandingan adalah merujuk kepada persamaan dan perbezaan yang diperolehi daripada dapatan kajian yang melibatkan dua kumpulan guru di dua buah sekolah yang dipilih oleh penyelidik dalam satu daerah.

### **1.9.2 Penggunaan komputer**

Dalam konteks kajian ini, penggunaan komputer adalah merujuk kepada beberapa pengetahuan asas tentang komputer dan kemahiran penggunaannya serta permasalahan dan pendapat yang berkaitan dengannya.

### 1.9.3 Tentang Sikap

Dalam kajian ini, penyelidik sengaja mendefinasikan istilah sikap, kerana ianya ada kaitan dengan kajian tentang penggunaan komputer ini. Sama ada mahu atau tidak mahu, positif atau negetif guru-guru dalam menerima arus perubahan dalam bidang pendidikan ini adalah bergantung kepada sikap guru.

Sebagaimana dinyatakan oleh **Mahathir (1997)**,

"Kita sedang menghadapi satu revolusi baru. Ianya adalah satu revolusi yang bersifat global yang berupaya mengubah kehidupan manusia di mana-mana sahaja. Revolusi ini adalah yang ketiga dalam sejarah manusia selepas revolusi pertanian dan revolusi perindustrian yang telah mengubah dunia dan meninggalkan kesan yang hebat kepada masyarakat dunia. Revolusi ketiga dalam sejarah manusia ini sedang membawa perubahan yang mendadak kepada dunia. Revolusi ini sedang mempercepatkan lagi proses globalisasi, mencorak semula ekonomi kita dan mempengaruhi cara hidup kita dan cara kita bekerja".

**Kamus Dewan Edisi Baru (1989)**, mendefinasikan bahawa sikap bermaksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat (fikiran dan lain-lain). **Rokeach (1968)**, dalam International Encyclopedia of the

Social Sciences mentakrifkan sikap sebagai satu organisasi yang membuatkan seseorang mudah terpengaruh dan bertindak balas mengikut pemilihannya sendiri.

**Allport (1968)**, berpendapat bahawa sikap adalah satu kesediaan mental dan saraf yang tersusun melalui pengalaman, mempengaruhi tindak balas individu secara dinamik terhadap objek dan juga situasi yang ada hubungan dengannya.

Sikap mempunyai afektif atau nilai dan ia ditentukan oleh kepercayaan seseorang tentang objek sikap tersebut (**Fishbein, 1975**). Sikap mempunyai hubungan dengan gabungan semua kepercayaan seseorang itu terhadap objek tersebut, tidak semestinya dengan hanya satu-satu kepercayaan sahaja. Sikap terhadap sesuatu objek juga mempunyai hubungan dengan niat seseorang untuk melakukan berbagai-bagai tingkah laku berkaitan objek tertentu. Apabila telah terbentuk dengan mantap, sikap akan mempengaruhi pula pembentukan kepercayaan-kepercayaan baru. Begitu juga perlakuan tingkah laku tertentu mungkin akan membawa kepada kepercayaan-kepercayaan baru terhadap objek sikap itu dan akibatnya mempengaruhi sikap yang terbentuk.

Menurut **Schellenberg (1970)**, sikap biasanya mempunyai tiga komponen, iaitu kognitif, perasaan dan kecenderungan untuk bertindak. Komponen kognitif dan perasaan merupakan ungkapan dalaman bagi sikap, manakala kecenderungan untuk bertindak adalah ungkapan luarannya. Sikap mempunyai arah. Ia selalunya diarahkan kepada sesuatu perkara; kepada sesuatu benda yang khusus atau

kepada sesuatu kelas objek. Objek sesuatu sikap mungkin manusia, objek fizikal atau idea yang abstrak. Sikap juga selalunya meliputi penilaian yang bersifat positif atau negatif.

Begitu juga dengan **Fishbein & Ajzen (1980)**, sikap merupakan suatu sistem yang kompleks dan terdiri daripada kepercayaan-kepercayaan seseorang itu terhadap sesuatu objek, perasaannya terhadap objek tersebut dan kecenderungan untuk bertindak berkaitan objek tersebut. Ia menggambarkan bahawa keseluruhan pengalaman seseorang itu adalah berkaitan dengan objek sikap tersebut yang meliputi aspek-aspek kognitif, afektif dan tingkah laku (psikomotor).

**Klausmeier (1985)**, pula berpendapat, sikap seseorang itu sangat penting dalam kehidupan harian mereka, kerana ia menentukan arah aktiviti-aktiviti hidup. Jika seseorang itu bersikap positif terhadap sesuatu perkara, dia akan menghargai dan menyokongnya. Begitu juga sebaliknya. Sikap negatif akan menyebabkan seseorang itu akan cuba untuk mengelak perkara tersebut atau akan menyebabkan berlakunya konflik.

#### **1.9.4 Persepsi**

Dalam kajian ini, persepsi adalah merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan pandangan dan pendapat yang penghakimannya adalah berdasarkan kepada rasa

puas, setuju atau tidak kepada pengaruh persekitaran yang mempunyai pengaruh dengan komponen kognitif.

**Forgus(1966)**, menyatakan bahawa persepsi adalah pengekstrakan informasi iaitu apa yang diamati merupakan matlamat yang akan menjadi asas pada penilaian terhadap objek yang akan dilihat atau dialami. Ianya lebih menekankan tentang persoalan bahawa apabila saraf penerima organisma bertembung dengan berbagai-bagai rangsangan, ia akan mengumpul dan memilih rangsangan yang bersesuaian.

**Hebb (1966)**, memberi definisi persepsi sebagai persediaan untuk bertindak balas terhadap sesuatu rangsangan. Ini lebih menekankan fungsi persepsi sebagai asas yang boleh digunakan dalam menentukan tindakan yang bakal dilakukan apabila berhadapan dengan sebarang rangsangan.

Dalam kajian ini, persepsi didefinisikan sebagai persetujuan terhadap pandangan, pendapat dan pemerhatian guru-guru di kedua-dua sekolah terhadap penggunaan komputer.